
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Okttober 2004

PLG 631 - Teori dan Perkembangan Kurikulum

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

ARAHAN :

Jawab **TIGA (3)** soalan semuanya. Jawab **soalan nombor 1** dan pilih **DUA (2)** soalan lain. Setiap soalan diperuntukan 100 markah.

Jawab **soalan nombor 1** dan pilih **DUA (2)** soalan lain.

1. Malaysia telah mengalami satu siri perkembangan kurikulum yang panjang sebelum diterima sebagai salah satu sistem pendidikan yang terbaik terutama menyentuh tentang pendidikan dalam kalangan masyarakat majmuk. Berdasarkan kenyataan ini, bincangkan sejarah perkembangan kurikulum di Malaysia bermula dari zaman pendudukan British sehingga menjelang ke tahun 2010 .
2. Bincangkan bagaimana sesuatu teori dapat dibentuk. Apakah peranan dan sumbangan teori dalam penyelidikan pendidikan? Perbincangan anda harus berdasarkan kepada teori-teori pembelajaran daripada aliran tingkah laku, kognitif dan konstruktif.
3. Bincangkan hubungan antara teori-teori kurikulum dengan perubahan-perubahan sosial, ekonomi, psikologi dan politik, semasa teori-teori tersebut dihasilkan oleh penyelidiknya.
4. Sebagai ketua penyunting, anda dikehendaki menyediakan suatu tinjauan secara kritis dan analitis terhadap teori 'Conditions of Learning' seperti yang dikemukakan oleh R. Gagne. Melalui liputan tersebut, anda perlu menyatakan ciri-ciri, kekuatan dan kelemahan teori berkenaan untuk diaplikasikan dalam bidang pendidikan.
5. Bincangkan dan bandingkan model pengembangan kurikulum Rogers, Tyler dan Zais. Proses membanding harus menyatakan kesamaan, kekuatan dan kelemahan setiap satu model pengembangan.